

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 AUGUST 2016

Tun M punca perpecahan, bukan Bangsa Johor

UM- 29/8/2016

PASIR MAS 28 Ogos - Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya konsep Bangsa Johor boleh meruntuhkan perpaduan rakyat Malaysia adalah tidak benar sama sekali.

Sebaliknya, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek menegaskan, tindakan Dr. Mahathir sendiri yang menubuhkan parti baharu adalah antara punca kepada perpecahan rakyat di negara ini.

Beliau berkata, konsep Bangsa Johor tidak mempunyai sebarang masalah, malah ia merupakan satu inisiatif menyemarakkan semangat dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negeri itu.

“Kalau Dr. Mahathir kata konsep Bangsa Johor memecahbelahkan rakyat Malaysia, itu tidak benar. Saya rasa dia (Dr. Mahathir) tubuh parti baharu, itu yang meruntuhkan perpaduan.

“Jika kita lihat sejarah, bagaimana raja-raja berpecah, hakim-hakim berpecah semua itu banyak berlaku di zaman pemerintahan Dr. Mahathir.

“Jadi apa yang dilakukan Dr. Mahathir dilihat lebih bisa kesannya daripada Bangsa Johor sendiri,” katanya mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri itu mengenai konsep Bangsa Johor.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ditemui selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Pasir Mas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ibrahim 1 di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Datuk Hanafi Mamat; Ketua Wanitanya, Datin Shuhanie Deraman; Ketua Pemuda, Nor Azwawi Ab. Rahman dan Ketua Puteri, Wan Harinawati Daud.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Shabery berkata, UMNO perlu menubuhkan sebuah unit khas bagi memantau indeks perpaduan dalam kalangan ahli parti di semua peringkat.

Katanya, perpaduan kukuh



Kalau Dr. Mahathir kata konsep Bangsa Johor memecahbelahkan rakyat Malaysia, itu tidak benar. Saya rasa dia (Dr. Mahathir) tubuh parti baharu, itu yang meruntuhkan perpaduan.”

AHMAD SHABERY CHEEK
Ahli Majlis Tertinggi UMNO

dalam kalangan ahli UMNO ketika ini dilihat menjadi faktor utama kejayaan parti itu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebelum ini.

“Saya ingin mencadangkan agar parti memperkenalkan indeks perpaduan untuk melihat sejauh mana perpaduan dalam kalangan ahli UMNO sama ada di peringkat bahagian atau negeri.

“Misalnya, kita ada masalah perpaduan di Terengganu, jadi satu usaha perlu dilakukan bagi memulihkan perpaduan di negeri itu. Jadi indeks perpaduan ini penting untuk kita mengukur sejauh mana semangat perpaduan di semua peringkat parti,” katanya.